

Akan diambilalih dari
Lembaga Cambridge — Mahathir

Kementerian kendalikan peperiksaan menjelang 1978

KUALA LUMPUR 5 April — Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan hari ini bahawa Kementerian Pelajaran akan mengambilalih sepenuhnya tanggungjawab mengendalikan peperiksaan di negara ini dari Lembaga Peperiksaan Cambridge, menjelang 1978.

Katanya, beliau telah mengemukakan kertas kabinet mengenai perkara itu dan telahpun diluluskan oleh kabinet baru-baru ini.

Bercakap kepada para pemberita selepas merasmikan kursus latihan perguruan masa cuti bagi 600 guru sementara di Maktab Perguruan Ilmu Khas di sini, beliau yang juga Menteri Pelajaran memberitahu:

"Mulai tahun depan calon-calon SPM/MCE boleh mengambil semula matapelajaran sepenuhnya dalam Bahasa Malaysia, kecuali Bahasa Inggeris."

Menurutnya, meskipun Malaysia akan mengambil alih tanggungjawab peperiksaan itu dari Cambridge, tetapi kerjasama rapat akan diteruskan bagi menjamin mutu peperiksaan itu.

Katanya, pada masa ini kertas-kertas soalan dalam Bahasa Malaysia disediakan di negara ini dengan kerjasama Cambridge untuk menjamin mutunya.

Memandangkan kepada perkembangan pelajaran di negara ini, terutama penggunaan Bahasa Malaysia pihak Cambridge tidak lagi berkemampuan untuk mengendalikan peperiksaan tersebut, tambahnya.

Sementara itu, ketika berucap merasmikan kursus itu, Dr. Mahathir memberitahu bahawa Kementerian Pelajaran akan melancarkan satu kaji selidik untuk menentukan bilangan sebenar guru-guru sementara yang sedang berkhidmat dan belum ditawarkan



Dr. Mahathir

mengikuti latihan, menjelang penggal kedua persekolahan tahun ini.

Katanya, hasil kajian itu akan dapat membantu kerajaan menyusun rancangan berkesan untuk guru-guru sementara.

Guru-guru yang mengikuti kursus itu ialah sebahagian dari kira-kira 2,000 orang guru sementara yang mengikuti kursus ikhtisas di 16 pusat di Semenanjung Malaysia mulai hari ini.

Kursus yang memakan masa selama tiga tahun itu meliputi sembilan peringkat dan melibatkan 500 orang pensyarah. Keseluruhan latihan itu melibatkan perbelanjaan lebih \$1 juta.

Dr. Mahathir memberitahu bahawa meskipun terdapat ramai guru sementara,

ada di antaranya tidak berminat dalam bidang tersebut.

Beliau mengumumkan bahawa mulai tahun depan lebih ramai lagi guru sementara yang memenuhi syarat yang diperlukan akan diberi latihan perguruan.

Timbalan Perdana Menteri menasihatkan guru-guru sementara yang belum mempunyai kelayakan akademik, seperti kepujian dalam Bahasa Malaysia supaya berusaha mengambil kelayakan itu.

Katanya, mulai tahun ini calon-calon boleh mengambil peperiksaan matapelajaran tunggal Bahasa Malaysia yang akan diadakan Julai depan.

Beliau menarik perhatian bahawa Kementerian Pelajaran sedang menyelidik bagaimana hendak menambatkan penggunaan television pendidikan atau alat pandang dengar sebagai salah satu dari cara untuk menyampaikan ilmu pengetahuan.

Bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa ini bukanlah niat kerajaan untuk menukar guru-guru dengan kegunaan alat-alat, tetapi ialah supaya guru-guru pandai menggunakan alat-alat itu bagi memperbaiki pengajaran untuk diterima dengan mudah oleh murid-murid.